



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN,**  
**BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-2584800

Fax : 03-2535722

**Tarikh : 7 Dis 2001**

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL.21/2001**

**SKIM BANTUAN KERAJAAN KEPADA MAJIKAN YANG KEHABISAN LEVI**

**1 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai pemberian subsidi geran latihan di bawah Skim Bantuan kerajaan kepada majikan yang telah menggunakan sepenuhnya levi mereka. Langkah ini adalah untuk mempergiatkan lagi aktiviti latihan semula pekerja untuk meningkatkan daya saing negara.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Terdapat banyak majikan yang telah kehabisan levi. Untuk membantu majikan mengemukakan **permohonan dan tuntutan** dengan serta merta tanpa menunggu baki levi mereka mencukupi semula, pihak kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah RM4 juta bagi membolehkan majikan mempergiatkan aktiviti latihan semula pekerja.

**3. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- 3.1 Semua majikan yang berdaftar dengan PSMB layak menerima subsidi geran latihan di bawah Skim Bantuan Kerajaan. Jumlah subsidi yang layak diterima ini adalah tidak terhad tetapi tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) baki levi majikan adalah kosong semasa mengemukakan permohonan atau tuntutan; atau
- (ii) geran latihan yang diluluskan semasa mengemukakan permohonan atau tuntutan adalah melebihi baki levi majikan.

- 3.2 Dalam apa jua keadaan, peraturan biasa PSMB mengenai permohonan dan tuntutan masih lagi terpakai iaitu:-
- (i) permohonan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya sehari sebelum latihan dijalankan;
  - (ii) setiap tuntutan perlulah untuk program latihan yang telah diluluskan dan juga program latihan di bawah Skim PROLUS dan PERLA;
  - (iii) tuntutan dikemukakan selepas latihan tamat dijalankan; tuntutan adalah bukan untuk program latihan yang tidak layak lagi dituntut iaitu telah mencapai tarikh akhir penerimaan borang tuntutan (Contoh : program latihan tahun 2000 - tarikh akhir penerimaan borang tuntutan ialah pada 30 Jun 2001); dan majikan tidak mempunyai bayaran levi tertunggak dan faedah yang belum dijelaskan. Sekiranya majikan mempunyai bayaran levi tertunggak dan faedah, subsidi geran latihan yang layak diterima adalah selepas dioffsetkan kedua-dua elemen ini.
  - (v)

#### **4 MEKANISME SEMASA MEMOHON**

- 4.1 Majikan boleh mengemukakan seberapa banyak permohonan geran latihan tetapi **setiap latihan perlu dijalankan dalam tempoh satu bulan dari tarikh permohonan dikemukakan** kepada PSMB. Ini bagi memastikan subsidi geran latihan yang diluluskan digunakan sepenuhnya. **Penundaan tarikh latihan adalah dilarang sama sekali.** Sebarang penundaan tarikh latihan akan mengakibatkan pemberian subsidi ini ditarik balik dan tuntutan dibayar melalui levi majikan dan bukannya di bawah Skim Bantuan Kerajaan.
- 4.2 Bagi majikan yang mempunyai baki levi kosong semasa mengemukakan permohonan, subsidi geran latihan yang layak diterima adalah sepenuhnya.
- 4.3 Bagi majikan yang mempunyai baki levi yang tidak mencukupi untuk membiayai sesuatu latihan semasa mengemukakan permohonan pula, subsidi geran latihan yang layak diterima adalah perbezaan di antara baki levi majikan dengan jumlah geran latihan yang diluluskan.
- 4.4 Dalam kedua-dua keadaan di perenggan 4.2 dan 4.3 di atas, PSMB akan merizabkan amaun subsidi geran latihan yang diluluskan bagi membolehkan tuntutan dibayar apabila tuntutan dikemukakan.

#### **5. MEKANISME SEMASA MENUNTUT**

- 5.1 Tuntutan geran latihan hendaklah dikemukakan sebaik sahaja latihan tamat.
- 5.2 Bagi majikan yang mempunyai baki levi kosong semasa mengemukakan tuntutan, subsidi geran latihan yang layak diterima adalah sepenuhnya tetapi tertakluk kepada amaun tuntutan yang diluluskan untuk bayaran.

5.3 Bagi majikan yang mengemukakan tuntutan melebihi baki levi yang ada dalam akaun mereka, subsidi geran latihan yang layak diterima adalah perbezaan di antara baki levi majikan dengan amaun tuntutan yang diluluskan untuk bayaran. Subsidi ini mungkin berbeza dengan amaun yang dirizabkan bergantung kepada baki levi majikan semasa tuntutan diproses.

## **6. TEMPOH KEMUDAHAN**

6.1 Subsidi geran latihan yang diperuntukkan oleh kerajaan ini tidak mempunyai tarikh matang dan layak diterima sehingga kesemua peruntukan subsidi tersebut habis digunakan. Asas pertimbangan yang digunakan ialah *first come first serve*. Justeru, majikan adalah diminta untuk mengemukakan permohonan dan tuntutan dengan kadar segera.

## **7. PENUTUP**

7.1 Dengan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan ini, majikan yang kehabisan levi adalah diminta untuk mengemukakan permohonan geran latihan dan tuntutan bayaran balik kos latihan dengan serta merta tanpa menunggu baki levi mereka mencukupi semula.

7.2 Dengan kemudahan ini juga, majikan adalah digalakkan untuk terus aktif menjalankan aktiviti latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja tanpa sebarang halangan.

## **8. TARIKH KUAT KUASA**

8.1 Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "**  
**"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"**

Yang ikhlas,

**(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)**

Pengarah Kewangan  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad